

JABATAN BENDAHARI NEGERI SABAH

Wisma Kewangan
Jalan Tunku Abdul Rahman
Beg Berkunci No. 2058
88595 Kota Kinabalu
Sabah, Malaysia



Tel.: 088-272000 Faks: 088-212655 E-mel: bn.jbn@sabah.gov.my

Bil. JBNS: **A/400-0/10/(1)**

Tarikh : **01 Mac 2016**

Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Setiausaha Tetap Kementerian
Semua Ketua Jabatan
Semua Pegawai Daerah
Semua Penolong Pegawai Daerah, Daerah Kecil
Semua Bendahari Daerah

PEKELILING JABATAN BENDAHARI NEGERI SABAH BILANGAN 1 TAHUN 2016 KWSP : PENGURANGAN KADAR CARUMAN BERKANUN SYER PEKERJA 2016

1. TUJUAN


Tujuan surat pekeliling ini adalah untuk memaklumkan pelaksanaan pengurangan kadar berkanun syer pekerja selaras dengan keputusan Kerajaan.

2. KADAR BERKANUN CARUMAN SYER PEKERJA

- 2.1 Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) telah memaklumkan pengurangan kadar berkanun caruman syer pekerja daripada 11% kepada 8% untuk pekerja berumur di bawah 60 tahun dan daripada 5.5% kepada 4% untuk pekerja berumur 60 tahun dan ke atas.
- 2.2 Pencarum yang memilih untuk mengekalkan kadar caruman syer pekerja pada 11% adalah dikehendaki untuk mengisi borang KWSP 17A Khas2016 dan menghantar terus ke pejabat KWSP.

3. PELAKSANAAN

- 3.1 Bagi Anggota Perkhidmatan Awam Negeri yang masih mencarum KWSP dan gaji mereka dibayar melalui Sistem Gaji Pusat (SGP) termasuk Jabatan Mengakaun Sendiri (JMS), pengurangan kadar caruman KWSP syer pekerja akan dibuat secara automatik oleh Jabatan Perkhidmatan Komputer (JPKN).
- 3.2 Bagi Anggota Perkhidmatan Awam Negeri yang memilih untuk mengekalkan kadar caruman syer pekerja pada 11% perlu mengemaskini data melalui sistem e-pay A3 dengan menggunakan kod **802**. Salinan fotokopi borang KWSP 17A Khas2016 yang mempunyai cap asal penerimaan pejabat KWSP hendaklah dikemukakan sebagai dokumen sokongan. Hanya borang KWSP 17A Khas2016 yang mempunyai cap asal penerimaan KWSP sahaja yang diterima untuk menyokong input sistem e-pay A3.



- 3.3 Anggota Perkhidmatan Awam Negeri yang gaji mereka dibayar melalui Sistem Baucar Berasingan (SBB) pengurangan kadar caruman syer pekerja hendaklah dibuat secara manual oleh pihak Kementerian / Jabatan masing-masing.

4. JADUAL KADAR CARUMAN KWSP BULANAN

- 4.1 Kementerian / Jabatan masing-masing boleh memuat turun jadual caruman (Jadual Ketiga) terkini yang berkuatkuasa mulai 01 Mac 2016 dengan melayari laman web KWSP: www.kwsp.gov.my.

5. TEMPOH KUATKUASA

- 5.1 Pengurangan kadar berkanun caruman syer pekerja ini ialah untuk tempoh mulai gaji bulan Mac 2016 sehingga bulan Disember 2017.

6. PENUTUP

- 6.1 Sekiranya terdapat kemusykilan dalam pelaksanaan pekeliling ini, sila berhubung terus dengan Seksyen Gaji Dan Pencen, Jabatan Bendahari Negeri melalui nombor telefon 088-272000 atau 088-255628 untuk mendapatkan maklumat dan penjelasan lanjut.

Sekian dan terima kasih.

“ BERKHIDMAT UNTUK NEGARA DENGAN BERSIH, CEKAP DAN AMANAH ”


(CHUI NGET NGO)
Bendahari Negeri

s.k Pengarah
Jabatan Kerja Raya
Jalan Sembulan
Peti Surat 128
88592 KOTA KINABALU

(u.p: Ketua Akauntan)

s.k Pengarah
Jabatan Pertanian
Wisma Pertanian
88632 KOTA KINABALU

(u.p: Ketua Akauntan)

s.k Pengarah
Jabatan Perhutanan
Beg Berkunci 88
90009 SANDAKAN

(u.p: Ketua Akauntan)

s.k Pengarah
Jabatan Tanah Dan Ukur
Beg Berkunci 2044
88576 KOTA KINABALU

(u.p: Ketua Akauntan)

s.k Pengarah
Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri
Tingkat 1, Blok A
Wisma Kewangan
88999 KOTA KINABALU

(u.p: Puan Hj Kamariah Abas
Encik Yazid Yunus
Cik Elizabeth Tai
Puan Rafidah Ali Hassan
Encik David Augustine)


JL/ACA/mm